

# Pemeriksaan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Abad ke-21 dalam Dunia Islam (The 21st Century Islamic Education Teachers' Professionalism Empowerment in the Islamic World)

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Teknologi Malaysia  
qamar@utm.my

## Suggested Citation:

Jasmi, Kamarul Azmi (2021). *Pemeriksaan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Abad ke-21 dalam Dunia Islam (The 21st Century Islamic Education Teachers' Professionalism Empowerment in the Islamic World)*. Narasumber yang dibentangkan dalam International Conference on Islamic Education dengan tema 'Innovation in Islamic Education: Challenges and Readiness in Digital Era', anjuran Fakultas Tarbiyah IAIN Kudus, Jalan Conge Ngembalrejo, Semarang Indonesia pada 6 Juli 2021 di [Link Zoom Meeting: https://us06web.zoom.us/j/85700283311?pwd=MkRDQWZhdUV0SXQ2bW1YQ1FielJZUT09](https://us06web.zoom.us/j/85700283311?pwd=MkRDQWZhdUV0SXQ2bW1YQ1FielJZUT09)

## Abstract

Islamic Education Teachers are important figures among the teachers in school not only because they play an important role to guide the students, but also to become a person consulted by the regular teachers, upper management and lower level staff in school. In fact, the locals where they live-either permanently or temporarily- also refers to the Islamic Education Teachers as center of reference. This fact is an important reflection of the characteristics of Islamic Education Teachers' professionalism that is appropriate in the Islamic world especially in the 21st century now. This paperwork attempts to discuss Islamic Education Teachers' professionalism in the 21st century by making a comparison between the basic needs and additional values required in today's Islamic Education Teachers' professionalism. The findings show that there are several key areas of Islamic Education Teachers' professionalism characteristics today, namely in teaching and learning, personality, knowledge and knowledge application, self-motivation, and skills.

**Key Word:** Profesionalism, Teacher, Islamic Education

## References

- 'Ali Murad, Yahya Hasan. 2003. *Adab al-'Alim wa al-Muta'alim 'ind al-Mufakkirin al-Muslimin min Muntasif al-Qarn al-Thani al-Hijriy wa hatta Nihayah al-Qarn al-Sabi'*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- 'Ubud, 'Abd al-Ghani. 1993. *Fi al-tarbiyyah al-Islamiyyah*. Al-Qaherah: Dar al-Fikr al-'Arabiyy.
- Abdullah, Wan Ali Akbar Wan, Razak, Khadijah Abdul, & Hamzah, Mohd Isa. 2020. "Pengurusan Masa Guru Inovatif Pendidikan Islam". *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 8(2), 33-39.
- Abu Dawud, Sulaiman. 2009. *Sunan Abi Dawud*. Shu'aib al-Arnut & Muhammad Kamil Qurrah Balali (Ed.). Jld. 1-7. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Abu Dawud, Sulaiman. (2015). *Sunan Abi Dawud*. Lidwa Pusaka Hadits 9 Imam. Jakarta: Saltanera Teknologi.
- Ahmad 'Umar, 'Umar. 2000. *Falsafah al-Tarbiyyah fi al-Quran*. Damshiq: Dar al-Maktabiyy.
- Ahmad, Muhammad Hambal. (2015). *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal*. Lidwa Pusaka Hadits 9 Imam. Jakarta: Saltanera Teknologi.
- Al-Ba'labaki, Ruhi. 2003. *Al-Mawrid Qamus 'Arabiyy-Inkliziy*. Beirut: Dar al-'Ilm li al-Malayiin.
- Al-Bukhari, Muhammad. 2001. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Bukhari, Muhammad. (2015). *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari*. Lidwa Pusaka Hadits 9 Imam. Jakarta: Saltanera Teknologi.
- Al-Darimi, 'Abdullah. (2015). *Sunan al-Darimi*. Lidwa Pusaka Hadits 9 Imam. Jakarta: Saltanera Teknologi.
- Al-Ghazali, Muhammad. t.th. *Ihya' 'Ulum al-Din*. al-Hafiz al-'Iraqi (Ed.). Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Jazairi, Abi Bakr Jabir. 1999. *Akidah al-Mukmin*. Madinah al-Munawarah: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam.

- Al-Kaylaniyy, Majid 'Arsan. 2002. *Falsafah al-tarbiyyah al-Islamiyyah*. Dubai: Dar al-Qalam.
- Al-Madkur, 'Ali Ahmad. 2002. *Manhaj al-Tarbiyyah fi al-Tasawwur al-Islami*. Al-Qahirah: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- Al-Nahwi, Adnan. 2000. *Al-Tarbiyyah fi al-Islam: al-Nazariyyah wa al-Manhaj*. Riyad: Dar al-Nahwi.
- Al-Nasa'i, Ahmad. (2015). *Al-Mujtabi min al-Sunan Lidwa Pusaka Hadits 9 Imam*. Jakarta: Saltanera Teknologi.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. 1985. *Al-Mu'jam al-Saghir*. Muhammad Shukur Mahmud (Ed.). Jld. 1-25. Beirut: Al-Maktab al-Islamiyy.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. 1994. *Al-Mu'jam al-Kabir*. Hamdi 'Abd al-Majid al-Salafi (Ed.). Jld. 1-25. Al-Qahirah: Maktabah bin al-Taymiyyah.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. 1995. *Al-Mu'jam al-Ausat*. 'Abd al-Muhsin bin Ibrahim al-Hasini Tariq bin 'Audullah bin Muhammad (Ed.). Jld. 1-10. Al-Qahirah: Dar al-Harmain.
- Al-Tirmidhi, Muhammad 'Isa. 1998. *Al-Jami' al-Kabir - Sunan al-Tarmidhi*. Bashir 'Awad Ma'ruf (Ed.). Jld. 1-6. Beirut: Dar al-Girb al-Islami.
- Al-Tirmidhi, Muhammad 'Isa. (2015). *Al-Jami' al-Kabir - Sunan al-Tarmidhi*. Lidwa Pusaka Hadits 9 Imam. Jakarta: Saltanera Teknologi.
- Basiron, Siti Rohaida. 2006. *Aplikasi Kemahiran Komunikasi Bukan Lisan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Oleh Guru-guru Sekolah Menengah Kebangsaan Kangkar Pulai Johor*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Collins, Janet, Hammond, Michael, & Wellington, Jerry. 2002. *Teaching and learning with multimedia*. Routledge.
- Dunkin, M. J., & Biddle, B. J. 1974. *The Study of Teaching*. New York: Holt, Rinehart, and Winston.
- Farrant, J.S. 1977. *Prinsip dan amali pendidikan*. Sharifah Rahmah Hassan, Trans. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gergers, M.G. 2005. *Mu'jam Mustalahat al-Tarbiyyah wa al-Ta'Lim*. Beirut: Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah.
- Gunawan, Imam, Triwiyanto, Teguh, & Kusumaningrum, Desi Eri. 2018. "Pendampingan penulisan artikel ilmiah bagi para guru sekolah menengah pertama". *Abdimas Pedagogi: Jurnal Ilmiah Pengabdian kepada Masyarakat*, 1(2), 128-135.
- Hasanah, Siti Muawanatul. 2020. "Kepemimpinan Kepala Sekolah Dalam Meningkatkan Mutu Pembelajaran di Era Pandemi Covid 19". *INCARE, International Journal of Educational Resources*, 1(3), 256-279.
- Hizan, Nor Safwan Saiful, & Rodzalan, Shazaitul Azreen. 2020. "Hubungan antara Pengurusan Masa dengan Tekanan Kerja dalam kalangan Guru Sekolah Menengah di Melaka". *Research in Management of Technology and Business*, 1(1), 92-103.
- Ibn Majah, Muhammad Yazid. 2009. *Sunan Ibn Majah*. Shu'ayb Al-Arna'ut, 'Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah Balali, & 'Abd al-Latif Hirzullah (Ed.). Jld. 1-5. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Ibn Majah, Muhammad Yazid. (2015). *Sunan Ibn Majah*. Lidwa Pusaka Hadits 9 Imam. Jakarta: Saltanera Teknologi.
- Isa, Yaakub. 1996. *Almanak Pendidikan*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2010. *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes*. (PhD), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Diakses dari <http://dms.library.utm.my:8080/vital/access/manager/Repository/vital:67877>
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Abdul Halim. 2011. *Dasar Akidah Muslim*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasni, Faezah, & Jabor, Mohd Khata. 2007. *Mengenalpasti Kemahiran Komunikasi Lisan, Komunikasi Bukan lisan Dan Komunikasi Interpersonel Di Kalangan Guru Pelatih semasa Menjalani Latihan Mengajar*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Kasmin, Razila, Baharan, Mohd Faiz, Mohsin, Noraizan, et al. 2019. "Amalan kualiti guru dalam kalangan guru Pendidikan Islam di sekolah kebangsaan". *Journal of Management and Operation Research (JOMOR)*, 1(4), 1-9.
- Long, Atan. 1980. *Pedagogi Kaedah Am Mengajar*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- López, O.S. 2007. "Classroom diversification: a strategic view of educational productivity. Review of Educational Research". 77(1), 28-80.
- Malik, Anas. (2015). *Muwatta' Lidwa Pusaka Hadits 9 Imam*. Jakarta: Saltanera Teknologi.
- Mare, L.L., & E., Sohat. 2002. "Cacadian students' perceptions of teacher charecteristics that support or inhibit help seeking.". *Elementeray School Journal*, 102(3), 239-253.
- Mastura, Mastura, & Santaria, Rustan. 2020. "Dampak pandemi COVID-19 terhadap proses pengajaran bagi guru dan siswa". *Jurnal Studi Guru Dan Pembelajaran*, 3(2), 289-295.

- Md Yassin, Sulaiman, Lebar, Mohd Salleh, & Abu Bakar, Azlina. 2002. *Komunikasi dalam Pengajaran dan Kepimpinan Pendidikan*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Muslim, al-Hajjaj. (2015). *Sahih Muslim*. Lidwa Pusaka Hadits 9 Imam. Jakarta: Saltanera Teknologi.
- Noorjannah, Lilies. 2014. "Pengembangan profesionalisme guru melalui penulisan karya tulis ilmiah bagi guru profesional di SMA Negeri 1 Kauman Kabupaten Tulungagung". *Jurnal Humanity*, 10(1), 11406.
- Okpala, C.O, Smith, F, & Jones, E. & Ellis R. 2000. "A clear link between school and teacher characteristics, student demographics, and student achievement. ". *Educational Administration Quarterly*, Spring, 120 (3), 478-493.
- Oktradiksa, Ahwy. 2012. "Pengembangan kualitas kepribadian guru". *Nadwa: Jurnal Pendidikan Islam*, 6(2), 231-248.
- Paterson, J. 2007. "School and community relations". *Leadership for Student Activities (NASC Edition)*, 35(9), 8-12.
- Pratama, Arizqi Ihsan, & Musthofa, Musthofa. 2019. "Konsep Kepribadian Guru Menurut Ibnu Sahnun". *Tawazun: Jurnal Pendidikan Islam*, 12(1), 94-111.
- Sabiq, Sayid. 1994. *Akidah Islam Pola Hidup Manusia Beriman*. Jld. 2. Kyodo Printing Co (S'pore) Pte Ltd 112 Neythal Road, Jurong Town. Singapore 2262: Pustaka Nasional Pte Ltd Singapura.
- Salih, 'Abd al-'Aziz, & 'Abd al-'Aziz, 'Abd al-Majid. 1999. *Al-Tarbiyyah wa al-turuq al-tadris*. Al-Qahirah:: Dar al-Ma'arif.
- Shah, Iqbal, & Khan, Muhammad. 2015. "Impact of multimedia-aided teaching on students' academic achievement and attitude at elementary level". *US-China Education Review A*, 5(5), 349-360.
- Shulman, L. S. 1987. "Knowledge and teaching: foundations of a new reform. ". *Harvard Educational review*, 57(1), 1-22.
- Sulaiman, Esah. 2004. *Pengenalan Pedagogi*. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Wan Embong, Wan Hassan, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2019. *Perspektip Baharu dalam Pengkaedahan Pendidikan Akidah di Malaysla*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Wiyanto, Asul. 2012. *Panduan karya tulis guru*. Galangpress Publisher.
- Yusof, Mohamad Radhi Mohamad, & Zulkifli, Hafizhah. 2021. "Tahap Kefahaman dan Kemahiran Pengajaran Matapelajaran Jawi dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam: The Level of Understanding and Teaching Skills of Jawi Subjects Among Islamic Education Teachers". *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 5(1), 39-45.
- Zain, Ismail. 2002. *Aplikasi multimedia dalam pengajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

# PEMERKASAAN PROFESIONALISME GURU PENDIDIKAN ISLAM ABAD KE-21 DALAM DUNIA ISLAM (THE 21<sup>ST</sup> CENTURY ISLAMIC EDUCATION TEACHERS' PROFESSIONALISM EMPOWERMENT IN THE ISLAMIC WORLD)\*

Prof. Madya Dr. Kamarul Azmi Jasmi  
Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Teknologi Malaysia  
[qamar@utm.my](mailto:qamar@utm.my)

## Abstrak

*Guru Pendidikan Islam (GPI) merupakan sosok penting dalam kalangan guru di sekolah mereka bukan sahaja berperanan kepada anak didik mereka di sekolah, tetapi juga merupakan guru yang berperanan untuk pusat rujukan warga guru, pihak pengurusan atasan dan warga kerja peringkat bawahan. Bahkan mereka juga menjadi rujukan kepada warga tempatan tempat di mana mereka tinggal bermukim atau bermautastin. Hakikat ini merupakan gambaran penting ciri profesionalisme GPI yang sewajarnya dalam dunia Islam khususnya pada ke-21 kini. Kertas kerja ini cuba mengupas profesionalisme GPI pada abad ke-21 dengan membuat perbandingan antara keperluan asasi dan keperluan nilai tambah utama dalam profesionalisme GPI masa kini. Dapatan menunjukkan terdapat beberapa bidang utama ciri profesionalisme GPI masa kini, iaitu dalam pengajaran dan pembelajaran, keperibadian, ilmu dan pengamalan ilmu, motivasi diri, dan kemahiran diri.*

**Kata Kunci:** *Profesionalisme, guru, Pendidikan Islam*

## Abstract

*Islamic Education Teachers are important figures among the teachers in school not only because they play an important role to guide the students, but also to become a person consulted by the regular teachers, upper management and lower level staff in school. In fact, the locals where they live-either permanently or temporarily- also refers to the Islamic Education Teachers as center of reference. This fact is an important reflection of the characteristics of Islamic Education Teachers' professionalism that is appropriate in the Islamic world especially in the 21st century now. This paperwork attempts to discuss Islamic Education Teachers' professionalism in the 21st century by making a comparison between the basic needs and additional values required in today's Islamic Education Teachers' professionalism. The findings show that there are several key areas of Islamic Education Teachers' professionalism characteristics today, namely in teaching and learning, personality, knowledge and knowledge application, self-motivation, and skills.*

**Key Word:** *Professionalism, Teacher, Islamic Education*

## PENGENALAN

Ulama merupakan pewaris kenabian kerana mewarisi ilmu dan bukan harta (Al-Tirmidhi, 1998: 2682; Abu Dawud, 2009: 3641; Ibn Majah, 2009: 223). Mereka juga pada hakikatnya mewarisi tanggungjawab dakwah dan pendidikan kepada semua orang yang di sekeliling

---

\* Kertas kerja ini sebagai Narasumber yang dibentangkan dalam *International Conference on Islamic Education* dengan tema *Innovation in Islamic Education: Challenges and Readiness in Digital Era* yang dianjurkan oleh Fakultas Tarbiyah IAIN Kudus, Jalan Conge Ngembalrejo, Semarang Indonesia pada 6 Juli 2021 di Link Zoom Meeting: <https://us06web.zoom.us/j/85700283311?pwd=MkRDQWZhdUV0SXQ2bW1YQ1FielJZUT09>

mereka di mana mereka berada. Hal ini sama seperti tanggungjawab para Rasul yang diutus oleh Allah SWT kepada umat manusia. Dalam konteks Nabi Muhammad SAW sebagai Rasul yang terakhir (*al-Ahzab*, 33: 40), maka tanggungjawab Rasul ini dalam memandu umat manusia menjadi tanggungjawab para umat Muhammad SAW khususnya mereka yang diberikan pengetahuan agama dalam kalangan guru agama (surah *Ali 'Imran*, 3: 104). Oleh kerana mereka diberikan tanggungjawab inilah, maka mereka boleh memperoleh kedudukan sebagai golongan umat yang terbaik (*Ali 'Imran*, 3: 104). Hal ini disebabkan mereka juga terpicul tanggungjawab sama seperti yang dipertanggungjawabkan kepada para rasul dalam memandu umat manusia ke jalan hidayah dan pertunjuk (Al-Jazairi, 1999; Jasmi & Tamuri, 2011; Sabiq, 1994; Wan Embong & Jasmi, 2019). Apatah lagi apabila mereka sudah menceburkan diri sebagai guru agama bagi sesebuah kerajaan dalam sesebuah negara pada peringkat mana mereka berada dalam dunia Islam.

Disebabkan tanggungjawab yang besar ini dalam kalangan guru agama dalam dunia Islam, maka wajar golongan ini memiliki nilai profesionalisme yang sesuai dengan nilai profesionalisme GPI Islam. Artikel ini akan mengupas nilai profesionalisme GPI menurut sarjana Islam dan Barat seperti Sheikh 'Ali Murad (2003) yang merujuk kepada al-Quran dan hadis (Al-Bukhari, 2015; Muslim, 2015; Al-Tirmidhi, 2015; Abu Dawud, 2015; Al-Nasa'i, 2015; Ibn Majah, 2015; Ahmad, 2015; Malik, 2015; Al-Darimi, 2015; Al-Tabrani, 1995, 1985, 1994) serta tokoh-tokoh lain yang sewajarnya diamalkan oleh GPI dalam dunia Islam. Kajian kepustakaan berkaitan dengan profesionalisme GPI akan dibanding beza dengan kajian lapangan terhadap sekumpulan GPI cemerlang di Malaysia yang dilakukan oleh Jasmi (2010). Kajian ini memperluaskan lagi nilai profesionalisme GPI dalam dunia Islam dalam konteks keperluan dunia Islam dalam abad ke-21.

## **PROFESIONALISME GPI DALAM PDP**

Aspek pertama yang menjadi ukuran kepada profesionalisme GPI ialah aspek dan ciri pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berkesan (Al-Ghazali, t.th.; Shulman, 1987; Dunkin & Biddle, 1974). Pelaksanaan PdP pula bermula daripada sebelum PdP, ketika, dan selepas-Nya.

### **Sebelum Proses PdP**

Banyak pengkaji melihat bahawa pengajaran berkesan GPI Cemerlang bermula daripada kefahaman guru terhadap falsafah dan matlamat Pendidikan Islam ('Ubud, 1993; Ahmad 'Umar, 2000; Al-Nahwi, 2000; Al-Kaylaniyy, 2002). Kemudian daripada kedua-dua aspek ini barulah perancangan PdP tahunan dan penggal dan seterusnya perancangan mingguan dan harian yang dipanggil sebagai persediaan mengajar dilakukan supaya perancangan tidak terkeluar dari falsafah dan matlamat Pendidikan Islam tersebut.

### ***Falsafah dan Matlamat Pendidikan Islam (FPI)***

Dalam membicarakan tentang Falsafah Pendidikan Islam (FPI) ini, banyak tokoh Pendidikan Islam memberikan interpretasi mendalam pendidikan dari sudut kejayaan pendidikan Rasulullah SAW. Selain itu, pengalaman mereka sebagai tokoh pendidik juga membantu dalam menghasilkan pemikiran yang kritis dalam menterjemah falsafah pendidikan dalam Islam.

'Ubud (1993) menjelaskan bahawa falsafah pendidikan dalam Islam jika dilihat kepada perkembangan sejarah Arab mencakupi aspek rohani dan jasmani serta pelbagai aspek kehidupan manusia yang bersifat rabbani. Kenyataan ini bermaksud aspek rohani menjadi asas kepada falsafah pendidikan dalam Islam untuk dibangunkan seiring dengan lain-lain aspek pembangunan. Falsafah ini disokong al-Nahwi (2000: 127-128) dengan penghuraian yang lebih terperinci dan mendalam. Al-Nahwi menjelaskan bahawa falsafah pendidikan

dalam Islam merupakan satu kerangka teori yang berada di landasan manhaj Allah SWT dalam lapangan pendidikan untuk membentuk, membina dan melatih manusia. Hal ini demikian kerana apa yang dikatakan pendidikan itu ialah suatu proses untuk membina insan dari segi pemikiran, keimanan, intelektual, jasmani, dan emosi bagi menyediakan manusia supaya dapat memikul amanah-Nya dalam kehidupan dunia. Asas falsafah pendidikan dalam Islam menurut beliau terdiri daripada tiga asas, iaitu:

- (1) Keimanan kepada Allah SWT, meninggikan kalimah-Nya dan menyeru kepada jalan-Nya.
- (2) Manhaj rabbani, iaitu penghayatan kepada al-Quran dan sunah.
- (3) Kesedaran dan penerokaan terhadap realiti alam dan manusia yang berteraskan kepada kedua-dua asas di atas.

Al-Nahwi (2000) menambah bahawa pelaksanaan falsafah pendidikan dalam Islam ini memerlukan prasarana tertentu yang mesti digembleng untuk menjayakan falsafah pendidikan dalam Islam, iaitu:

- (1) Kekuatan dalam atau fitrah yang dibekalkan oleh Allah SWT
- (2) Pancaindera yang dikurniakan bagi mengkaji ilmu-Nya yang Maha Luas.
- (3) Peranan ibu bapa terhadap tanggungjawab memberikan pendidikan terbaik kepada anak yang berteraskan Islam.
- (4) Faktor persekitaran termasuk sistem sosial, ekonomi, politik dan sebagainya.
- (5) Panduan daripada Allah-Nya sendiri sebagaimana yang ada dalam al-Quran dan sunah.

Selain 'Ubud dan al-Nahwi, Ahmad 'Umar (2000) juga sependapat dengan mereka. Ahmad 'Umar menjelaskan bahawa pendidikan dalam Islam meliputi seluruh aspek kehidupan manusia. Hal ini demikian kerana tujuan pendidikan dalam Islam ialah membina kekuatan psikomotor untuk dijadikan wasilah bagi melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba Allah SWT di dunia ini. Pendidikan dalam Islam juga bertujuan menyuburkan kualiti kognitif individu yang banyak dibina melalui kekuatan teknologi percetakan dan informasi maklumat. Selain itu, pendidikan dalam Islam adalah untuk memenuhi keperluan hidup masyarakat Islam. Dalam erti kata yang lain pendidikan digunakan sebagai menunaikan tanggungjawab bagi kepentingan masyarakat Islam. Namun begitu, tujuan tertinggi pendidikan dalam Islam adalah bagi melahirkan manusia yang berakhlak dan berintergriti. Tujuan inilah yang menjadi tujuan pengutusan rasul ke alam ini.

Penekanan kepada kedinamikan institusi pendidikan dalam Islam menjadi aspirasi falsafah pendidikan dalam Islam bagi al-Kaylaniyy (2002). Beliau menegaskan bahawa falsafah pendidikan dalam Islam mestilah menyediakan umat Islam menjadi seorang yang berdaya tahan serta mampu menghubungkan para pelajar dengan realiti kehidupan sebenar dalam menghadapi tribulasi serangan pemikiran melalui pendidikan global hasil daripada proses globalisasi. Beliau menambah sistem Pendidikan Islam itu mestilah bersifat syumul kehidupan, iaitu memenuhi hubungan manusia dengan Tuhan, manusia sesama manusia dan juga manusia dengan alam.

Berdasarkan falsafah yang dibincangkan, sarjana Islam seperti 'Ubud (1993) Ahmad 'Umar (2000), al-Nahwi (2000), dan al-Kaylaniyy (2005), maka boleh diringkaskan matlamat dalam Pendidikan Islam seperti berikut:

- (1) Pembangunan Keimanan:
  - (a) Mengembalikan manusia kepada Allah SWT tanpa ada perantara tempat bermohon dan meminta pertolongannya, taat ikhlas beribadat kepada-Nya dan tunduk kepada-Nya serta memakmurkan alam berdasarkan syariat-Nya, serta menjauhkan mereka diri daripada kesyirikan dan kekufuran.
  - (b) Memantapkan diri dan agama Islam dengan boleh membezakan antara jalan dan sumber yang baik atau yang buruk sehingga menghasilkan natijah mereka memilih jalan yang baik daripada yang keji; berlumba-lumba membuat kebaikan kepada manusia; meningkatkan kemampuan beramal dengan kadar kemampuan

masing-masing. Hal ini seterusnya menjadikan mereka sentiasa berpegang teguh kepada kebenaran dan menentang keburukan.

- (2) Pembangunan Ilmu:
  - (a) Menjadi orang yang berilmu kerana kemuliaan seseorang mulia bersandarkan ilmu agamanya disebabkan dengannya mereka lebih bertakwa dan beriman serta tunduk takut kepada Allah SWT.
  - (b) Memantapkan Islam dan pembangunan. Tumpuan matlamat ini kepada pembangunan jasmani, pembangunan akal atau rohani atau hati dan pembangunan masyarakat:
  - (c) Matlamat pembangunan jasmani diri dengan menjadikan diri kuat dan sihat melalui pelbagai aktiviti jasmaniah supaya segala kekuatan dan tenaga dapat digunakan untuk menyeru manusia dan masyarakat kepada kebaikan dan menjauhi keburukan.
  - (d) Pembangunan akal bertujuan membangunkan kekuatan iman yang terhasil daripada pemikiran yang mendalam terhadap kewujudan ciptaan Allah SWT.
  - (e) Melahirkan umat muslimin yang soleh yang bertolong-tolongan dalam perkara kebaikan dan mencegah kemungkaran dan berkasih sayang antara satu sama lain, sebagaimana zaman Rasulullah SAW, para sahabat dan tabiin.
- (3) Pembangunan Amal: Menanamkan kesempurnaan dan kesolehan akhlak Islam. Matlamat ini merupakan antara matlamat utama pengutusan Rasulullah SAW. Hal ini kerana orang yang berakhlak dianggap orang membuat amal kebaikan yang besar. Golongan ini juga merupakan orang yang paling banyak masuk ke syurga.
- (4) Pembangunan Ekonomi: Meningkatkan keupayaan ekonomi diri. Pendidikan Islam juga tidak boleh lari dari tuntutan memberikan ilmu dan kemahiran agar para pelajar mempunyai keupayaan mencari rezeki yang baik. Matlamat ini sudah tentu menyokong kepada matlamat yang lain kerana mencari rezeki dengan jalan yang halal juga merupakan amal soleh. Selain itu, memberikan keupayaan untuk menyara diri, keluarga dan kerabat yang dianggap sedekah yang lebih baik daripada membelanjakan harta di jalan Allah SWT.
- (5) Kejayaan Dunia dan Akhirat: Mencapai kejayaan di dunia dan akhirat. Kejayaan dunia dengan kejayaan membina kehidupan remaja, kehidupan rumahtangga, kehidupan bermasyarakat dan kehidupan bernegara mengikut landasan syariat. Kejayaan di alam akhirat dengan sentiasa bersedia kepada kematian seterusnya selamat daripada azab api neraka dan masuk syurga.

Ringkasnya, Pendidikan Islam bermatlamat untuk melahirkan seorang insan yang soleh, berilmu, beriman, berakhlak berlandaskan sumber al-Quran dan sunnah untuk hidup di dunia dengan takwa serta mampu berdikari dalam menyumbang kepada kemajuan agama, bangsa dan negara. Hal ini seterusnya menjadikan setiap insan mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat.

### ***Perancangan PdP***

Setelah memahami falsafah dan matlamat PdP. Guru mula merancang PdP mereka. Pada peringkat perancangan pengajaran bagi sesuatu kelas, beberapa perkara perlu diambil kira oleh guru, iaitu seperti berikut:

- (1) Mengetahui motivasi, keperluan dan minat belajar.
- (2) Mengetahui tujuan belajar.
- (3) Mengetahui tahap kematangan pelajar.
- (4) Mengetahui perbezaan individu di antara pelajar.
- (5) Menyediakan peluang pengalaman praktik.
- (6) Memperhatikan kefahaman dan mengetahui hubungan, integrasi pengalaman dan kelanjutannya, keaslian, pembaharuan dan kebebasan berfikir.
- (7) Menjadikan proses pendidikan itu sebagai pengalaman yang mengembirakan pelajar.

Melalui keperluan ini, guru seterusnya mula merancang pengajaran dengan asas persediaan yang berkesan dengan mengambil kira perkara berikut, iaitu (Long, 1980; Sulaiman, 2004; Farrant, 1977; López, 2007; Paterson, 2007):

- (1) Jumlah isi kandungan pelajaran yang hendak pelajar kuasai.
- (2) Pembinaan objektif PdP.
- (3) Kemahiran dan kefahaman yang hendak dikuasai oleh pelajar.
- (4) Perancangan strategi melalui pemilihan pendekatan, kaedah dan teknik yang sesuai agar pencapaian objektif tercapai.
- (5) Penggunaan BBM yang sesuai dengan strategi dan isi.


Semua persediaan ini digarap dalam satu susunan perancangan bagi memudahkan guru mengimplementasikan apa yang dirancang. Ciri persediaan mengajar ini disokong dalam satu rumusan yang dibuat terhadap kajian Isa (1996) bahawa guru efektif dan cemerlang menekankan persediaan PdP yang dinamik.

### **Ketika Proses PdP**

Proses PdP merupakan proses terpenting dalam PdP berkesan. Hal ini demikian kerana pada masa ini yang berlaku interaksi antara guru dan pelajar dalam usaha guru untuk memindahkan pengetahuan dan kemahiran isi kandungan kepada pelajar. Pada masa ini guru yang berkesan dan cemerlang akan menggunakan segala persediaan, BBM, kemahiran pedagogi, pengalaman, ilmu dan keperibadiannya untuk menghasilkan perubahan dan perkembangan pengetahuan dan kemahiran kepada para pelajar (Dunkin & Biddle, 1974).

### **Induksi Set Berkesan**

Induksi set merupakan aktiviti terpenting pada permulaan satu-satu sesi PdP. Kejayaan dalam induksi set mampu mendorong kepada penglibatan para pelajar sehingga selesai sesi PdP. Sebaliknya, kegagalan dalam induksi set menjadikan kelas hambar serta kurang menarik minat pelajar juga tidak dapat dibangkitkan. Secara keseluruhannya induksi set berperanan (Salih & 'Abd al-'Aziz, 1999; Al-Madkur, 2002) seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1 Langkah Induksi Set Menurut Sarjana

Walaupun terdapat banyak komponen dalam induksi set, tetapi memadai dengan mengaplikasikan sebahagian daripadanya yang penting dan sesuai sahaja. Hal ini demikian kerana agak sukar untuk memasukkan semua ciri tersebut ke dalam induksi set yang dilakukan selama tiga atau lima minit sahaja.



### ***Penyampaian Berkesan***

Kejayaan yang cemerlang dalam induksi set perlu diteruskan dalam penyampaian bagi menghasilkan PdP berkesan. Menurut Al-Madkur (2002), penyampaian merupakan PdP sebenar guru dan pelajar. Segala konsep, prinsip, fakta dan kemahiran yang berkaitan dengan tajuk pengajaran akan disampaikan kepada pelajar. Pada masa ini, guru akan menggunakan segala kemahirannya melalui BBM, kaedah, strategi dan pendekatan yang tertentu dan sesuai untuk menyampaikan bahan pengajaran. Semasa proses penyampaian ini, guru berkesan dan cemerlang akan memberi perhatian kepada lapan perkara berikut:

- (1) Komunikasi: Ketika proses pengajaran kemahiran komunikasi amat diperlukan oleh guru cemerlang untuk menyampakan idea, konsep dengan jelas dan terang. Kemahiran komunikasi termasuklah penggunaan bahasa penyampaian yang lancar dan petah lagi mudah difahami, suara yang menggunakan intonasi yang sesuai dan menarik serta perhubungan mata (*eye contact*) pandangan mata yang sentiasa merangsang pandangan pelajar kepada pandangan guru.
- (2) Strategi: Pengalaman mengajar guru cemerlang biasanya mampu meningkatkan kemahiran pengkaedahan ketika proses pengajaran. Garapan kaedah dan teknik yang digunakan adalah jelas dan sesuai. Biasanya strategi guru cemerlang mementingkan aktiviti yang berpusatkan kepada pelajar walaupun cara strategi berpusatkan guru tidak ditinggalkan. Selain itu, penyampaian PdP menepati dengan apa yang dirancang oleh guru ketika persediaan pengajaran.
- (3) Penggunaan BBM: Penggunaan BBM dalam proses PdP berada pada tahap yang jelas dan sesuai. Selain itu, BBM yang digunakan berfungsi dengan baik dan dapat digunakan dengan maksimum dan tidak terlalu terikat dengan buku teks. Penggunaan BBM bagi guru berkesan dan cemerlang juga mampu meningkatkan kefahaman pelajar dalam proses PdP.
- (4) Interaksi guru pelajar: Proses PdP membabitkan interaksi antara guru dan pelajar. Guru cemerlang dan berkesan akan mewujudkan hubungan mesra dengan pelajar supaya pelajar jadi seronok untuk belajar dan dengan ini ilmu pengetahuan dan kemahiran lebih mudah dipindahkan. Usaha guru untuk meningkatkan interaksi juga dilakukan melalui lontaran soalan yang menggalakkan pelajar bertindak balas terhadap penyampaian guru. Selain itu, interaksi yang baik dan berkesan juga apabila guru berjaya mewujudkan interaksi dua hala antara guru dan pelajar melalui pertanyaan guru kepada pelajar atau sebaliknya pertanyaan pelajar kepada guru.
- (5) Perkembangan dan penilaian: Proses PdP berkesan apabila perkembangan isi pelajaran berjalan lancar dan jelas daripada satu peringkat ke satu peringkat sebagaimana yang dirancang. Penilaian dan pemerhatian juga selalu dilakukan untuk memastikan setiap objektif PdP dicapai walaupun terdapat kepelbagaian tahap pelajar di dalam kelas sebelum berpindah kepada aktiviti bagi objektif yang lain. Sekali lagi, teknik penyoalan yang berkesan digunakan untuk meningkatkan kemahiran berfikir serta menilai pencapaian objektif.
- (6) Pengurusan kelas: Guru berkesan dan cemerlang akan sentiasa memastikan proses PdP sebagai satu pengalaman yang menyeronokkan. Untuk itu, guru akan memastikan bilik darjah disusun kemas dan selamat serta sesuai dengan bentuk isi dan teknik yang digunakan. Selain itu, aktiviti yang dirancang juga dapat dilaksanakan dengan teratur selain arahan dan peraturan diberi dengan jelas dan tepat kepada para pelajar.
- (7) Penutup: Dalam penutup, guru atau pelajar perlu membuat kesimpulan terhadap proses PdP yang dilaksanakan. Tujuan membuat kesimpulan adalah sebagai penilaian. Biasanya pada peringkat ini penyoalan digunakan untuk membuat rumusan pelajaran dan memberi penilaian kepada pelajar tentang sejauh mana mereka dapat memahami keseluruhan PdP. Soalan dikemukakan juga bertujuan untuk memantapkan lagi segala PdP yang dilaksanakan. Kerja lanjutan juga diberikan supaya dapat meningkat dan memantapkan lagi pengetahuan dan kemahiran pelajar terhadap PdP.


- (8) Keperibadian: Ketika proses PdP, keperibadian guru sama ada sifat interpersonal dan intrapersonal adalah penting untuk mewujudkan suasana yang baik untuk pelajar melibatkan diri dalam PdP. Begitu juga cara guru menjawab soalan pelajar dan melayan karenah mereka. Keperibadian dan akhlak ini akan sentiasa diperhatikan oleh pelajar kerana bagi mereka guru agama. Perbincangan tentang keperibadian ini akan dibincangkan dalam profesional GPI dalam keperibadian nanti.

Lapan perkara yang disebutkan ini merupakan ramuan penting sesuatu PdP GPI agar berjalan dengan baik serta menjadi sesuatu PdP lebih bermakna kepada para pelajar mereka.

### Selepas Proses PdP

Membuat refleksi atau muhasabah terhadap kekuatan dan kelemahan serta kekurangan yang didapati dalam satu-satu pengajaran antara sifat guru yang cemerlang. Kekurangan yang terhasil yang didapati akan disertai dengan cadangan pembaikan. Hal ini demikian seterusnya mendorongnya bagi merancang pengajaran yang lebih berkesan, menarik serta mengelakkan kekurangan yang pernah dilakukan.

Kajian terhadap GCPI di lapangan yang dilakukan oleh Jasmi (2010) tidak jauh berbeza dengan apa yang diketengahkan oleh para sarjana Islam. Dapatan tentang profesionalisme mereka dalam PdP boleh digambarkan dalam Rajah 2 yang dinamakan sebagai Model PdP GCPI (MPPGCPI).



Rajah 2 Model PdP GCPI (MPPGCPI)

Berdasarkan dapatan kajian ini menunjukkan bahawa mereka melaksanakan PdP mengikut apa yang selayaknya, namun kekuatan mereka terdapat pada kemampuan mereka untuk membangunkan pelajar sederhana menjadi cemerlang. Manakala pelajar yang lemah boleh mencapai tahap berjaya dan sekurang-kurangnya, para pelajar ini dapat mengamalkan ajaran Islam yang selayaknya sebagai seorang Muslim.

## PROFESIONALISME GPI DALAM KEPERIBADIAN

Sheikh 'Ali Murad (2003) menjelaskan bahawa profesionalisme GPI perlu diamalkan oleh GPI adalah terdiri dalamnya keperibadian mereka kepada Allah SWT dan dirinya sendiri; keperibadian terhadap para pelajarnya; serta keperibadian terhadap pihak atasan dan rakan guru. Kekuatan daripada profesionalisme ini akan memberi kesan yang baik kepada profesionalisme Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) mereka sama ada di dalam atau luar kelas.

### Keperibadian kepada Allah SWT

GPI yang memiliki ciri keperibadian yang benar kepada Allah SWT sangat membantu dalam menghubungkan antara-Nya dengan para pelajarnya. Oleh kerana itu, akhlak dan keperibadian ini merupakan kewajipan tertinggi GPI Cemerlang selaku guru Pendidikan Islam. Hal ini supaya, ketinggian hubungannya dengan Allah SWT menjadikan golongan wali-Nya dan kekasih-Nya (Al-Bukhari, 2001: 6021). Ketika GPI mencapai tahap ini bantuan-Nya dan pertolongan-Nya akan sampai sebaik sahaja mereka memohon sesuatu untuk para pelajarnya.

Antara adab dan akhlak dan keperibadian yang boleh perlu ditunjuk dan dipraktikkan di sekolah termasuklah ialah keimanan kepada Allah SWT (*al-Nisa'*, 4: 136; Ahmad, 2015: 26218), ikhlas, benar dan suci hati (*al-Kahfi*, 18: 110; *al-An'am*, 6: 162; al-Bukhari, 2015: 1, 6195, 6439; Muslim, 2015: 3530; al-Tawbah, 9: 119), meningkatkan keimanan dan ibadah kepada Allah SWT (*Saba'*, 34: 46), istiqamah di atas jalan keimanan (*Fussilat*, 41: 32; *al-Jin*, 72: 16; Muslim, 2015: 55), sentiasa dalam takwa (*al-Baqarah*, 2: 278; *Ali 'Imran*, 3: 102; al-Tirmidhi, 2015: 2375; Ibn Majah, 2015: 4205), khusyuk dan takut kepada-Nya (Fatir, 35: 28), serta cintakan-Nya (*al-Baqarah*, 2: 165; *Ali 'Imran*, 4: 31; al-Bukhari, 2015: 55; Muslim, 2015: 60).

Akhlak kepada Allah SWT yang lain termasuk juga bersungguh-sungguh dalam beribadat kepada-Nya (*al-Muzammil*, 73: 1-5, 20), sibuk bertadabbur, berfikir dan mengambil iktibar dalam memahami al-Quran, hak Allah dan kewajipan yang diwajibkan oleh-Nya (*Yunus*, 10: 101; *Ali 'Imran*, 4: 190; *al-Zumar*, 39: 23), tidak memuji diri bahkan sentiasa takut terjerumus ke lembah dosa (*al-Najm*, 53: 32; *al-Mu'minun*, 23: 60), bersikap tawaduk dan menjauhi ujub (Muslim, 2015: 4689), hidup zuhud dan suci daripada pekerjaan yang syubhat (*Yusuf*, 12: 20; Ibn Majah, 2015: 4092), tenang dan sopan dalam melaksanakan segala perintah-Nya (*al-Fath*, 48: 4; al-Bukhari, 2015: 600; Muslim, 2015: 947; Abu Dawud, 2015: 4146; *al-Furqan*, 25: 63), sentiasa *muraqabah* terhadap Allah SWT (*al-'Alaq*, 96: 14;), bersih ilmu daripada ketamakan dunia, menjaga syiar Islam, menjaga nafsu dan diri di atas kebenaran, dan menjauhi sifat yang terkeji (*al-Hujurat*, 49: 11, 13; *al-Najm*, 53: 32).



Rajah 3 Model Keperibadian GCPI kepada Allah SWT (MKGCPi-KA)


Penyenaraian keperibadian ini dalam kajian terhadap keperluan GPI abad ini disimpulkan oleh kajian Jasmi (2010) sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 3. Menurut kajian ini, sifat asasi GPI kepada Allah SWT dari segi merasa Allah SWT memberi amanah kepada mereka dalam mendidik anak didik mereka dan keikhlasan kepada-Nya untuk memberi apa yang terbaik kepada anak. Sedang penyempurnaan kepada keperibadian ini ialah sifat takwa, beramal berdasarkan ilmu agama, serta khusyuk dan tawaduk dalam hal hubungan

GPI dengan-Nya sangat diperlukan oleh mereka dalam rangka hubungan mereka terhadap anak didik mereka.

### Penampilan Diri

Penampilan diri merupakan pandangan yang penting para pelajar dan orang sekeliling terhadap GPI. Akhlak terhadap diri sendiri menurut Sheikh 'Ali Murad (2003) adalah termasuk menjaga penampilan diri seperti kebersihan tubuh badan, penjagaan gigi, sentiasa menjaga perkara fitrah seperti memotong kuku, menggunting, dan menyikat rambut, menggunting misai, menyikat janggut, memakai bau-bauan yang menyenangkan bagi guru lelaki, dan pemilihan pakaian yang kemas, bersih dan sesuai (al-Bukhari, 2015: 838, 5366, 5438, 5439; Muslim, 2015: 377, 3878; Abu Dawud, 2015: 3540; al-Nasa'i, 2015: 5027, 5141).

Dalam konteks kajian tentang GPI pada era abad ke-21 ini, para pelajar GPI mengambil berat tentang penampilan berpakaian (Jasmi, 2010) mereka dengan penampilan asasi pakaian GPI mestilah kemas dan sempurna mengikut situasi. Manakala sifat kesempurnaan penampilan pula dari segi menutup aurat khususnya GPI dalam kalangan wanita, GPI wanita mestilah nampak bergaya dan anggun, namun dalam keadaan yang sederhana, pakaian yang sesuai dengan situasi, serta mempunyai gaya diri yang khusus. Dapatan ini sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 4 Penampilan Pakaian GPI.



Rajah 4 Model Penampilan Diri GCPI (MPDGCPI)

Walaupun ciri penampilan yang dinyatakan oleh Sheikh 'Ali Murad (2003) merangkumi penjagaan tubuh keseluruhan termasuk berpakaian, namun penampilan pakaian merupakan ukuran penting penampilan seseorang yang mewakili keseluruhan penampilan (Jasmi, 2010).

### Akhlak GPI Keperibadian Terhadap Para Pelajar

Aspek keperibadian yang utama dalam PdP guru ketika di dalam kelas dan kegiatan kokurikulum ialah keperibadian terhadap para pelajarnya (Okpala et al., 2000; Mare & E., 2002; Oktradiksa, 2012; Pratama & Musthofa, 2019). Keperibadian guru Pendidikan Islam dan GPI Cemerlang terhadap para pelajar menurut Sheikh 'Ali Murad (2003) terdiri daripada sayang dan menunjukkan kasih sayang kepada para pelajar, selalu menasihati, menunjuk ajar dan memberi tumpuan kepada mereka, memandu mereka mengikut apa yang dinasihatkan, memberi motivasi dan galakan terhadap idea dan cetusan pemikiran positif pelajar dalam PdP, hukuman yang memberi pengajaran tetapi tidak mencederakan pelajar serta menggalakkan mereka untuk berfikir.

Seterusnya menurut 'Ali Murad, akhlak guru kepada pelajar juga termasuk mengelakkan diri daripada menggunakan hukuman yang berat dan menyakitkan pelajar, membawa keadilan dan persamaan di antara para pelajar, tawaduk kepada para pelajar, memahami tabiat pelajar dan matlamat pembelajaran serta menggalakkan keikhlasan dalam niat ketika belajar, mengutamakan

perbezaan tahap individu antara pelajar, selalu motivasi pelajar untuk belajar dalam membina motivasi dalaman dengan matlamat dan cara yang betul dan pelbagai, menanamkan sifat berlumba-lumba antara mereka, serta menanamkan sifat kerjasama dalam belajar antara mereka.

Sheikh 'Ali Murad menambah bahawa guru juga tidak boleh menghentam ilmu yang lain di hadapan pelajar, mengutamakan masalah pelajar, membantu mereka dalam memilih bidang dan cara belajar yang terbaik, mengutamakan kesihatan jasmani dan persoalan kemasyarakatan, bertanggungjawab terhadap pembangunan sahsiah pelajar, menggunakan penyediaan yang betul dalam memahami tahap pencapaian pembelajaran, menjauhi sifat bohong kepada pelajar, menunjukkan sikap yang positif terhadap kejayaan pelajar, menunjukkan sikap yang positif terhadap soalan pelajar, mengetahui nama pelajar, keturunan dan negeri mereka, bertanya pelajar yang tidak hadir dan menziarahi pelajar yang sakit.

Terdapat persamaan dan keutamaan yang sedikit berbeza dengan keperluan GPI abad ke-21 yang dilakukan oleh Jasmi (2010) dalam rangka keperibadian GPI kepada pelajar. Dapatan ini digambarkan dalam Rajah 5.



Rajah 5 Model Keperibadian GCPI kepada Pelajar (MKGCPi-KP)

Berdasarkan dapatan ini, keperibadian GPI boleh dibahagikan kepada sifat asasi dan sifat kesempurnaan. Sifat asasi terdiri dalamnya sifat menasihati, menegur, mendidik, dan menyedarkan; pembimbing; mesra, ramah, dan akrab; mengambil berat dan prihatin; penyayang; sifat sebagai ibu bapa; rajin, bersungguh-sungguh berdedikasi, dan komited; berdisiplin; amanah; adil; serta jujur dan ikhlas. Manakala sifat kesempurnaan keperibadian GPI kepada pelajar adalah terdiri dalamnya sifat memahami pelajar; mengetahui latar pelajar; bertanggungjawab; positif dan terbuka; pemurah; membantu; menghargai dan menghormati; lembut dan sopan; sabar; serta ceria.

### Keperibadian Terhadap Pihak Atasan dan Rakan Guru

Keperibadian guru Pendidikan Islam dan GPI Cemerlang terhadap pihak atasan dan rakan guru menurut Sheikh 'Ali Murad (2003) adalah saling memuliakan; saling menasihati (al-A'raf 7: 162; *al-Ma'idah*, 5: 67; Muslim, 2015: 82, 2137); bersifat tawaduk (Muslim, 2015: 5109); saling bertolong-tolongan dan menunaikan keperluan dan hajat (Muslim, 2015: 4867); berbicara dengan cara yang baik (al-Hijr 15: 88; al-Tirmidhi, 2015: 1907, 1932, 2450; Ibn Majah, 2015: 4174; Ahmad, 2015: 1268, 6326, 10108); dan sangat memuliakan rakan guru yang berilmu.

Terdapat perbezaan sedikit profesionalisme GPI antara rakan staf dan pentadbir dalam kajian yang dilakukan oleh Jasmi (2010) sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 6. Keperibadian ini dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu sifat asasi dan sifat kesempurnaan. Bagi sifat asasi dalamnya terkandung enam sifat yang utama, iaitu mesra, ramah, akrab, dan menjaga hubungan; membantu; rajin, bersungguh, berdedikasi, dan komitmen; tempat rujukan; teladan

dan model; serta bersifat tawaduk. Adapun sifat kesempurnaan pula terdiri dalamnya 17 sifat, iaitu sifat pembimbing; positif dan terbuka; mengambil berat dan prihatin; menasihati dan menyedarkan; perahsia; bertanggungjawab; berdisiplin; jujur dan ikhlas; taat dan patuh; menghargai dan menghormati; cekal, gigih dan tabah; karisma, wibawa, dan kepimpinan; penyabar; bersopan santun dan berhemah; berterus terang; bertoleransi, serta berketerampilan.



Rajah 6 Model Keperibadian GCPI kepada Staf dan Pentadbir

Ringkasnya, kajian Jasmi (2010) ini menunjukkan bahawa keperluan hubungan antara GPI dengan staf dan pihak atasan pentadbir ada banyak bagi memenuhi keperluan profesionalisme seorang GPI pada abad ke-21.

## PROFESIONALISME GPI DALAM ILMU DAN PENGAMALAN

Guru Pendidikan Islam juga perlu mempunyai keperibadian terhadap ilmu yang dimiliki. Keperibadian terhadap ilmu pengetahuan, iaitu perlu menguasai ilmu yang dimiliki secara mendalam (*al-An'am*, 6: 83), dan memiliki keilmuan yang menyeluruh sesuai dengan keperluan dan kebudayaan semasa. Keperibadian terhadap ilmu juga termasuk bertanggungjawab mendalami kaedah PdP dalam menyampaikan ilmu agamanya, mempunyai firasat dan pemikiran yang mendalam terhadap ilmunya untuk disesuaikan dengan situasi penggunaannya, serta mempunyai amanah ilmu terhadap ilmu (*al-Ahzab*, 33: 72, 37; *al-Nisa'*, 4: 58; *al-Ma'idah*, 5: 67; al-Bukhari, 2015: 4051, 6551; Muslim, 2015: 3180; al-Tirmidhi, 2015: 1185; Abu Dawud, 2015: 3067, 3068; 14877; al-Darimi, 2015: 2484).

Amanah terhadap ilmu termasuklah tidak membincangkan sesuatu ilmu yang masih dalam syak atau tidak yakin atau yang dia tidak tahu (Muslim, 2015: 1; *al-Hujerat*, 49: 6), membetulkan kesilapannya ketika menyedari, tidak menafsirkan sesuatu yang dia tidak tahu, membicarakan sesuatu mestilah daripada sumber kitab, menjauhi periwayatan yang lemah dan golongan bidah, tidak memberi fatwa tanpa ilmu (Abu Dawud, 2015: 284, 285; Ibn Majah, 2015: 565; Ahmad, 2015: 2898; al-Darimi, 2015: 745), serta memastikan dahulu jawapan sebenar setiap daripada soalan yang dikemukakan (al-Bukhari, 2015: 4401; Muslim, 2015: 5006).

Selain itu, keperibadian terhadap ilmu termasuklah sentiasa dalam menuntut ilmu, tekun dan selalu menyebukkan diri mengulangkaji dan menyusun kitab, dan mengamalkan ilmunya (*al-Juma'at*, 62: 5; *Yusuf*, 12: 68). Guru juga membesarkan ilmu dan menjaganya, tawaduk terhadap ilmunya (*al-Furqan*, 25: 63; *al-Shu'ara'*, 26: 210), insaf dan tidak menyembunyikan ilmu (*al-Baqarah*, 2: 159; al-Tirmidhi, 2015: 2573; Ibn Majah, 2015: 260, 262; Ahmad, 2015: 10017; al-Tabrani 2003c: 693), menjaga waktu, serta menjaga adab majlis ilmu dan cara pengajaran.

Menjaga adab ilmu dan cara pengajaran termasuklah memastikan tempat pengajaran, membiasakan diri datang awal, memulakan *tahyat* dalam pengajaran, memakai pakaian

yang bersih wangi dan sesuai, dan memberi salam kepada para hadirin. Guru juga perlu berada di tempat yang boleh dilihat para pelajar dengan tenang dan tawaduk, tidak membuat tingkah laku yang makruh atau sesuatu yang tindakan yang boleh menjatuhkan kehormatan diri. Selain itu, dia perlu menghadiri kelas dalam keadaan bersedia, memastikan penyusunan pelajar berdasarkan jantina, dan menjaga hubungan mata dengan para hadirin. Seterusnya, guru memelihara diri daripada penggunaan loghat kenegerian, mengelak daripada bercakap terlalu kuat dan menengking, serta menunjukkan contoh teladan dalam PdP.

